

GAYA PEMBELAJARAN PELAJAR CEMERLANG – SATU KAJIAN DALAM MEMBANTU MENINGKATKAN KUALITI PEMBELAJARAN

Nur Sofurah Mohd Faiz, Maziana Mohamed dan Rosfaszlizah Zahit

Fakulti Pendidikan Teknikal,
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn,
Kampus Bandar, 86400 Batu Pahat, Johor.

Jabatan Kejuruteraan Elektrik,
Politeknik Sultan Azlan Shah,
Behrang Stesen, Behrang,
Perak Darul Ridzuan.

sofurah@kuittho.edu.my, maziana@kuittho.edu.my, aszfasha@yahoo.com

Tel : (607) 453-8277, Fax : (607) 454-1050)

ABSTRAK

Pelajar cemerlang merupakan kebanggaan dan pemangkin dalam kecemerlangan akademik. Setiap pelajar termasuk golongan pelajar cemerlang mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri dalam mencapai kecemerlangan mereka dalam akademik. Maka satu kajian dilakukan bagi mengkaji gaya pembelajaran pelajar cemerlang dalam menjalani proses pembelajaran mereka. Kajian ini bertujuan mengenalpasti gaya pembelajaran yang diamalkan mengikut keutamaan pelajar cemerlang bagi membantu meningkatkan proses pembelajaran pelajar-pelajar lain dan juga membantu pihak universiti dalam merangka usaha-usaha tertentu dalam menjadikan amalan mereka sebagai ikutan amalan pelajar-pelajar lain. Seramai 146 orang responden terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada pelajar cemerlang kursus Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional di Fakulti Pendidikan Teknikal, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn. Mereka diberi soal selidik yang bertujuan mengenalpasti gaya pembelajaran yang diamalkan mereka berdasarkan empat model gaya pembelajaran yang diperkenalkan Dunn dan Dunn iaitu Gaya Pembelajaran Alam Sekitar, Emosi, Sosiologi dan Fizikal. Soal selidik yang diedarkan kepada mereka dikumpul dan dianalisis menggunakan perisian Statistical Packages for Social Science Version 11.5 (SPSSv11.5). Hasil kajian menunjukkan pelajar cemerlang mengamalkan keempat-empat gaya pembelajaran. Gaya pembelajaran yang menjadi keutamaan mereka adalah Gaya Pembelajaran Emosi diikuti Gaya Pembelajaran Sosiologi, Gaya Pembelajaran Fizikal dan Gaya Pembelajaran Alam Sekitar. Namun begitu, Gaya Pembelajaran Emosi berada pada tahap yang tinggi berbanding gaya lain yang hanya berada pada tahap sederhana. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada kajian ini, maka tindakan boleh dilakukan terutama pelajar, ibu bapa, pensyarah seterusnya pihak universiti bagi merangka aktiviti-aktiviti dan usaha-usaha yang sewajarnya dalam meningkatkan kualiti pembelajaran semua pelajar seterusnya menjana insan berkualiti untuk negara.

PENGENALAN

Sebagai sebuah negara yang sedang pesat membangun, Malaysia sememangnya memerlukan graduan yang cemerlang di dalam bidang akademik. Ia bertujuan untuk memenuhi keperluan tenaga kerja mahir dan profesional agar turut sama-sama berganding bahu membangunkan negara. Bagi memenuhi keperluan tersebut, institusi-institusi pengajian tinggi seperti universiti, kolej universiti, politeknik dan sebagainya telah menawarkan pelbagai bidang pengajian yang bersesuaian dengan kehendak negara termasuklah pengajian Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV). Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) merupakan satu-satunya kolej universiti yang menawarkan program PTV bagi melahirkan para graduan yang bakal bekerja sebagai seorang pendidik terlatih (Yahya, 2005).

Kecemerlangan akademik dikaitkan dengan keputusan peperiksaan (Hassan,1994). Pendapat ini disokong oleh Hussein Mahmood dalam Rohayah (2005) yang menyatakan biasanya sesebuah sekolah atau institusi yang dapat menghasilkan ramai pelajar yang berjaya dalam peperiksaan dikatakan sekolah atau institusi yang baik dan cemerlang. Ini adalah kerana peperiksaan adalah merupakan satu cara untuk mengukur keupayaan dan kemampuan seseorang terhadap sesuatu yang dipelajari dan kemahiran yang telah ditanamkan.

Untuk mendapat keputusan peperiksaan yang cemerlang pelbagai perkara perlu diambil perhatian. Faktor-faktor seperti gaya pembelajaran dan kaedah pengajaran yang diaplikasikan guru merupakan antara faktor terpenting kejayaan seseorang pelajar itu (Faizal,2004). Ini kerana amalan-amalan pelajar seperti teknik belajar yang berkesan, persediaan menghadapi peperiksaan, ketsabilan emosi dan hubungan sosial sesama manusia memainkan peranan penting sebagai faktor kejayaan mereka. Kaedah pengajaran yang diamalkan guru juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan minat dan motivasi pelajar untuk belajar.

KUiTTHO merupakan salah satu institusi pengajian tinggi yang melahirkan ramai graduan yang berjaya dalam bidang PTV. Fakulti yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan PTV di KUiTTHO ialah Fakulti Pendidikan Teknikal (FPTek). FPTek merupakan fakulti yang telah berjaya melahirkan ramai graduan cemerlang setiap semester. Untuk berjaya dengan cemerlang, adalah tidak cukup sekadar belajar sekiranya tidak mempunyai teknik, strategi dan mempraktikkan amalan yang tepat (Shatar,2003).

Pelajar-pelajar cemerlang merupakan model kepada pelajar-pelajar lain. Ini termasuklah cara belajar, pengurusan masa dan pendorong di sebalik kejayaan mereka. Apabila pelajar yang rendah pencapaian akademiknya mengetahui strategi dan amalan pembelajaran yang berkesan diamalkan, ia sedikit sebanyak dapat membantu mereka bersama-sama menjadi cemerlang. Salah satu contoh amalan yang dapat dilihat adalah gaya pembelajaran yang diamalkan. Gaya pembelajaran yang diamalkan mereka boleh menjadi panduan kepada pelajar-pelajar lemah. Sebagai contoh, mereka boleh melakukan aktiviti pembelajaran menggunakan pendekatan yang sama. Selain itu, ia dapat menghapuskan kekeliruan tentang corak pembelajaran yang sesuai diamalkan agar yang lemah juga boleh tampil cemerlang. Oleh yang demikian, adalah perlu satu kajian

dilakukan bagi mengetahui rahsia kecemerlangan pelajar-pelajar cemerlang melalui gaya pembelajaran yang diamalkan.

PERNYATAAN MASALAH

Selaras dengan visi dan misi kerajaan dalam melahirkan masyarakat yang cemerlang, gemilang dan terbilang pada tahun 2020, maka menjadi pelajar cemerlang merupakan titik permulaan ke arah merealisasikan impian ini. Namun begitu, bukan semua pelajar mencapai kecemerlangan sebagaimana yang dikehendaki mereka. Maka adalah wajar sekiranya pelajar-pelajar ini dibantu bagi meningkatkan kecemerlangan dalam akademik mereka.

Kehidupan dan cara pembelajaran di universiti berbeza berbanding di alam persekolahan. Masing-masing berlumba untuk mencapai kejayaan dengan cara pelajar tersendiri untuk mencapai kecemerlangan. Ini disebabkan di universiti, pelajar perlu lebih berdikari dan bebas merancang pembelajaran dan bukan lagi menjadi tugas ibubapa, guru atau institusi untuk menentukan jadual pembelajaran mereka. Dunn dan Dunn (1978) dalam teorinya menyatakan cara belajar yang diamalkan merupakan ciri-ciri biologikal setiap individu dengan menganggap bahawa setiap individu yang dilahirkan mampu untuk belajar. Ia bertindak balas dengan faktor persekitaran, emosi, sosiologi, fisiologi dan psikologi seseorang pelajar. Oleh yang demikian, melalui cara pembelajaran yang diperkenalkan oleh Dunn dan Dunn, gaya pembelajaran pelajar cemerlang di FPTek dikenalpasti bagi membantu pelajar lain dalam mengambil pendekatan gaya pembelajaran yang sama dan seterusnya dapat membantu mempertingkatkan pencapaian akademik pelajar-pelajar keseluruhannya.

OBJEKTIF DAN SKOP KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti gaya pembelajaran yang menjadi amalan pelajar-pelajar cemerlang yang mengikuti kursus Ijazah Sarjana Muda PTV di KUiTTTHO. Pemilihan FPTek adalah berdasarkan bahawa fakulti ini sering memiliki bilangan pelajar-pelajar yang menerima Anugerah Sijil Dekan yang lebih ramai berbanding fakulti lain di KUiTTTHO (Pejabat Pengurusan Akademik (PPA),2005). Di samping itu, fakulti ini menawarkan dua bidang pengajian serentak iaitu bidang kejuruteraan dan bidang pengajian pendidikan. Amalan yang dikaji adalah kepada tabiat pembelajaran mereka iaitu sama ada mereka lebih mengamalkan pembelajaran secara duduk atau baring, mengamalkan belajar sambil makan atau minum, mempunyai masa tertentu untuk belajar, corak pembelajaran mereka dan siapakah pendorong dan penyuntik semangat mereka. Pelajar-pelajar cemerlang yang dipilih merupakan pelajar yang pernah dan kerap kali menerima Anugerah Sijil Dekan di antara sesi 2003 hingga 2005. Rasional pemilihan ini adalah kerana pelajar-pelajar ini merupakan pelajar yang mendapat purata mata nilai gred (PNG) 3.50 dan ke atas. Kajian ini dijalankan berdasarkan teori gaya pembelajaran Dunn dan Dunn (1978) bagi mengenalpasti amalan gaya pembelajaran pelajar-pelajar cemerlang. Teori ini dipilih kerana ia relevan dengan amalan atau tabiat seorang pelajar dalam kehidupan harian mereka.

KONSEP ASAS TEORI

- Model gaya pembelajaran yang diperkenalkan Dunn dan Dunn (Dunn R dan Dunn K,1978) mempunyai lima jenis stimulus yang mempengaruhi pembelajaran seseorang dan setiap stimulus mempunyai beberapa unsur dan ciri-ciri penting. Lima stimulus yang diperkenalkan oleh Dunn dan Dunn ialah Alam Sekitar, Emosi, Sosiologi, Fizikal dan Psikologi.

Unsur-unsur dan ciri-ciri yang terkandung dalam kelima-lima stimulus ditunjukkan dalam Jadual 1-5.

Jadual 1 : Unsur dan Ciri-ciri Gaya Pembelajaran Alam Sekitar

Unsur	Ciri-ciri
Bunyi	Suka belajar tanpa bising atau dengan muzik latar belakang
Cahaya	Suka belajar di tempat yang cerah atau di tempat yang samar
Suhu	Suka belajar di tempat yang nyaman atau di tempat yang panas
Pola	Suka belajar di tempat yang formal atau berbaring / duduk di atas lantai

Jadual 2 : Unsur dan Ciri-ciri Gaya Pembelajaran Emosi

Unsur	Ciri-ciri
Motivasi	Boleh merangsang diri untuk belajar atau perlu dirangsang oleh seseorang
Ketabahan	Boleh belajar dalam jangkamasa yang lama atau jangkamasa yang pendek
Tanggungjawab	Bertanggungjawab untuk belajar atau perlu bimbingan guru
Struktur	Suka belajar mengikut jadual atau suka belajar sekiranya diberikan lebih masa untuk sesuatu mata pelajaran atau perkara

Jadual 3 : Unsur dan Ciri-ciri Gaya Pembelajaran Sosiologi

Unsur	Ciri-ciri
Sendiri	Suka belajar sendiri
Pasangan	Suka belajar berpasangan
Rakan Sebaya	Suka belajar dengan rakan sebaya
Pasukan	Suka belajar dalam kumpulan
Orang Dewasa	Suka belajar dengan orang dewasa (senior)
Pelbagai cara	Suka belajar kombinasi beberapa cara di atas

Jadual 4 : Unsur dan Ciri-ciri Gaya Pembelajaran Fizikal

Unsur	Ciri-ciri
Persepsi	Suka belajar dengan benda atau pengalaman maujud atau dengan perkara abstrak
Makan	Suka atau tidak suka makan dan minum semasa belajar

Waktu	Suka belajar pada waktu yang sesuai atau pada bila-bila masa sahaja
Mobiliti	Suka atau tidak suka bergerak semasa belajar

Jadual 5 : Unsur dan Ciri-ciri Gaya Pembelajaran Psikologi

Unsur	Ciri-ciri
Global atau Analitik	Murid global suka belajar secara menyeluruh; murid analitik belajar mengikut urutan dan membuat analisis
Otak kiri atau kanan	Murid ini lebih cenderung memproses maklumat otak kiri, suka belajar sesuatu bahagian demi bahagian, meminati bahasa dan membuat pengiraan dan analisis; murid yang lebih cenderung memproses maklumat di otak sebelah kanan suka belajar secara keseluruhan, membuat sintesis, membuat gerakan dan mencipta sesuatu.
Impulsif atau Reflektif	Murid yang impulsif bertindak secara spontan manakala murid yang reflektif berfikir sebelum bertindak.

KAJIAN TERDAHULU

Banyak kajian yang telah dijalankan bagi melihat sama ada gaya pembelajaran yang diamalkan dapat mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Subahan (1987) dan Masniza (2005) mengkaji dari pelbagai sudut tabiat pelajar yang diamalkan dan mereka mengaitkannya dengan pencapaian akademik. Dapatan kajian ini disokong oleh Saedah et. al (1996) yang juga menyatakan bahawa pengalaman terhadap satu-satu gaya pembelajaran yang disukai pelajar akan dapat membantu mempertingkatkan prestasi akademik pelajar.

Annie Azlina et. al (2001) telah menjalankan kajian mengenai gaya pembelajaran di kalangan pelajar tahun dua Kursus Sarjana Muda Kejuruteraan KUiTTHO iaitu Kejuruteraan Awam, Elektrikal dan Mekanikal. Kajian mereka adalah untuk mengenalpasti corak taburan gaya pembelajaran yang diamalkan pelajar kejuruteraan berdasarkan Teori Honey dan Munford serta mengenalpasti sejauhmana gaya pembelajaran tersebut dipengaruhi oleh latar belakang pelajar seperti PNG. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara gaya pembelajaran yang diamalkan dengan pencapaian PNG pelajar. Generalisasi yang dibuat Annie ialah gaya pembelajaran yang baik dapat mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.

Kajian lain ialah mengenai gaya pembelajaran yang dijalankan oleh Noorafezah (2005) ke atas 148 pelajar semester akhir Diploma Kejuruteraan di tiga buah politeknik berasingan. Kajian bertujuan mengenalpasti taburan gaya pembelajaran pelajar berdasarkan faktor jantina, kursus dan hubungannya dengan prestasi akademik pelajar. Hasil analisis yang dibuat menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran yang diamalkan dengan pencapaian akademik pelajar. Berdasarkan dapatan kajian, boleh disimpulkan bahawa kesesuaian gaya pembelajaran bagi setiap individu adalah penting bagi menjamin kecemerlangan pelajar dalam akademik.

Dapatan kajian yang sama juga diperolehi oleh Masniza (2005) dalam kajiannya untuk mengenalpasti perkaitan di antara gaya pembelajaran dengan prestasi akademik pelajar dalam matapelajaran Ukur Kejuruteraan. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan positif yang lemah antara gaya pembelajaran yang dipraktikkan dengan prestasi akademik pelajar.

Sementara kajian Hewitt (1973), Finkel dan Krawitz (1976) dalam Robiah (2004) menyimpulkan bahawa tabiat pelajar banyak mempengaruhi oleh bagaimana pelajar itu belajar dan kaedah belajar yang betul mestilah diketahui oleh para pelajar di peringkat universiti bagi menjamin pencapaian akademik yang cemerlang terutama dalam peperiksaan. Sementara Havey et. al (1961) mendapati pelajar-pelajar yang berprestasi tinggi lebih mudah menyesuaikan diri dan lebih kreatif dengan perubahan persekitaran berbanding dengan kumpulan pelajar yang berprestasi rendah. Rumusan daripada kajian mereka adalah kemahiran belajar yang betul amat penting untuk lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan.

REKABENTUK DAN PROSEDUR KAJIAN

Kajian ini adalah kajian kuantitatif berbentuk tinjauan yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Soal selidik dipilih kerana ianya mudah ditadbir dan data juga senang diperolehi untuk diproses dan dianalisis (Mohd Najib, 1999). Soal selidik yang dibangunkan oleh pengkaji adalah berdasarkan inventori gaya pembelajaran Dunn R dan Dunn K (1978). Soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian A yang terdiri daripada maklumat demografi pelajar dan Bahagian B yang terdiri daripada maklumat untuk mengenalpasti gaya pembelajaran yang diamalkan. Soalan daripada Bahagian B ini mengandungi jawapan aneka pilihan iaitu menggunakan Skala Likert. Wiersma (1995) disokong oleh Majid (2000) menyatakan bahawa kaedah Skala Likert sesuai digunakan dalam kajian kerana ia merupakan satu inventori sikap yang melibatkan perasaan individu terhadap sesuatu idea, prosedur dan institusi sosial. Skala Likert yang digunakan terdiri daripada lima tahap persetujuan seperti yang dilampirkan pada Jadual 6. Set soal selidik yang dibina diedarkan kepada responden yang terdiri daripada 146 pelajar-pelajar cemerlang iaitu mereka yang mendapat PNG 3.5 ke atas bagi sesuatu semester.

Jadual 6 : Pemberatan Skala Likert

Skala Likert	1	2	3	4	5
Maklum Balas	Sangat Tidak Setuju (STS)	Tidak Setuju (TS)	Kurang Setuju (KS)	Setuju (S)	Sangat Setuju (SS)

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 146 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar-pelajar cemerlang yang pernah menerima Sijil Anugerah Dekan semasa

pengajian mereka. Responden diambil secara rawak sebagai mewakili populasi pelajar cemerlang Fakulti Pendidikan Teknikal, KUiTTHO. Analisa dapatan kajian Bahagian A menunjukkan bahawa bilangan pelajar perempuan adalah seramai 98 orang manakala 48 pelajar terdiri daripada pelajar lelaki. Perbezaan di antara bilangan jantina yang agak ketara ini adalah disebabkan oleh jumlah pelajar perempuan yang mengikuti pengajian di bawah fakulti ini adalah lebih ramai berbanding pelajar lelaki. Fenomena ini adalah biasa dalam bidang pendidikan kerana bidang perguruan selalunya dipelopori oleh wanita. Kenyataan ini disokong oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (2003) yang menunjukkan bilangan pelatih wanita di maktab-maktab perguruan adalah lebih ramai dari pelatih lelaki.

Responden yang diambil secara rawak terdiri daripada kaum Melayu, Cina, India dan lain-lain kaum. Tabulan responden mengikut kaum menunjukkan majoriti responden terdiri daripada kaum Melayu iaitu 90.41% diikuti oleh lain-lain kaum iaitu 5.48% dan kaum Cina iaitu sebanyak 2.74%. Manakala kaum India merupakan kaum paling sedikit iaitu hanya 1.37%. Ini menunjukkan bilangan responden dari kaum Melayu adalah lebih ramai berbanding dengan kaum lain. Perbezaan yang ketara ini adalah disebabkan oleh populasi pelajar kaum Melayu yang mengikuti pengajian di Fakulti Pendidikan Teknikal adalah lebih tinggi berbeza dengan kaum lain. Ini juga adalah satu fenomena yang biasa kita lihat di mana bidang perguruan biasanya diminati oleh kaum Melayu sejak tradisi.

Penganugerahan Sijil Anugerah Dekan diberi pada setiap semester kepada pelajar-pelajar yang memperolehi keputusan peperiksaan dengan nilai PNG lebih dari sekurang-sekurangnya sekali sijil tersebut adalah lebih tinggi berbanding dua, tiga dan empat kali. Ini kerana untuk mendapatkan atau mengekalkan keputusan yang cemerlang pada tiap-tiap semester adalah agak sukar bagi seseorang pelajar memandangkan beban kredit yang makin bertambah di setiap semester.

Analisis Bahagian B pula menunjukkan bahawa gaya pembelajaran yang paling utama diamalkan oleh pelajar-pelajar cemerlang ialah gaya pembelajaran Emosi di mana purata skor min keseluruhan bagi gaya ini berada pada tahap tinggi iaitu 3.91. Ini diikuti dengan gaya pembelajaran Sosiologi (skor min 3.63), gaya pembelajaran Fizikal (skor min 3.61) dan seterusnya gaya pembelajaran Alam Sekitar (skor min 3.53).

Emosi saling berkait rapat dengan perasaan dan jiwa seseorang. Dunn dan Dunn (1994) menyatakan gaya pembelajaran emosi merangkumi unsur-unsur seperti motivasi, ketabahan, tanggungjawab dan struktur. Pelajar yang mempunyai motivasi yang tinggi boleh merangsang diri sendiri untuk belajar. Pelajar yang mempunyai motivasi yang kuat biasanya suka belajar dengan inisiatif sendiri. Mereka sentiasa menanam azam untuk sentiasa berjaya dan menjadi terbaik di kalangan yang terbaik. Pelajar yang mempunyai ketabahan yang tinggi boleh belajar dalam masa yang panjang atau pendek tetapi berkualiti. Pelajar-pelajar yang bertanggungjawab pula sentiasa melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai pelajar. Mereka belajar dan membuat tugas seperti yang diarahkan dengan hasil usaha sendiri dan menghantarnya dalam tempoh yang ditetapkan. Manakala pelajar yang berstruktur pula suka belajar mengikut jadual sama ada jadual sendiri atau mengikut jadual yang diberikan pensyarah. Ee Ah Meng (2003)

dalam kenyataannya juga menyokong kenyataan Dunn dan Dunn dengan menyatakan bahawa pelajar yang bermutu adalah pelajar yang bermotivasi dan bertanggungjawab.

Mok Soon Sang (2003) mengatakan bahawa motivasi berkait rapat dengan pembelajaran dan pencapaian pelajar. Ini selaras dengan dapatan kajian yang menunjukkan pelajar cemerlang mempunyai motivasi yang kuat iaitu suka belajar dengan inisiatif sendiri. Mereka suka dan gembira dengan kehidupan di universiti. Mereka suka mempelajari perkara-perkara baru untuk menambah pengetahuan. Pelajar-pelajar ini selalu berusaha membuat sendiri tugas atau latihan yang diberikan dan selalu menghantarnya pada waktu yang ditetapkan pensyarah. Dapatan ini disokong oleh Sulaiman (1998) yang menyatakan pelajar cemerlang mempunyai motivasi yang sangat kuat iaitu mempunyai semangat, tekad dan azam yang tinggi untuk berjaya. Dapatan ini juga menyamai dapatan Kamarul (2003) yang mendapati pelajar cemerlang tidak hanya bergantung kepada nota yang diperolehi daripada kuliah sahaja bahkan dari masa ke masa mereka turut membuat rujukan tambahan.

Dalam kajian ini juga menunjukkan bahawa pelajar-pelajar cemerlang mempunyai motivasi belajar apabila dirangsang oleh ibu bapa dan pensyarah. Pelajar-pelajar ini bermotivasi apabila ibu bapa mereka mengambil berat terhadap akademik mereka seterusnya mendorong mereka menjadi anak yang cemerlang. Dapatan juga menunjukkan pelajar cemerlang bersetuju bahawa mereka akan lebih berjaya dalam akademik jika dibimbing oleh pensyarah. Ini menjelaskan sekiranya para pensyarah dapat memperuntukkan usaha dan masa, secara tidak langsung ia dapat membantu pelajar mencapai kecemerlangan akademik. Dapatan kajian ini menyamai dapatan hasil penyelidikan Kamarul (2003) yang menunjukkan komitmen yang ditunjukkan oleh para pensyarah amat mempengaruhi kecemerlangan pelajar terbabit. Dapatan kajian tersebut menyatakan pelajar-pelajar memperolehi keputusan cemerlang hasil dari usaha gigih dan motivasi pensyarah terhadap proses pengajaran dan pembelajaran.

Dapatan juga menunjukkan pelajar-pelajar cemerlang belajar mengikut jadual waktu. Mereka selalu mendisiplinkan diri untuk belajar secara lebih sistematik dalam satu tempoh yang ditetapkan. Selain itu, mereka juga mengamalkan pembelajaran secara berkumpulan bagi mengumpul idea dan maklumat serta berpendapat kaedah belajar berkumpulan akan menjadikan pembelajaran mereka lebih berstruktur. Dapatan ini disokong dan dipersetujui oleh Zuraini (2001), Khalid (2002), Sabri (2003) dan Kamarul (2003) yang menyatakan belajar secara berkumpulan dapat merangsang minat, memotivasi pelajar, membantu menjelaskan idea dan menjadikan seseorang pelajar cemerlang dalam pembelajaran mereka.

Dari aspek kedudukan dan suasana pembelajaran, dapatan mendapati pelajar cemerlang dapat menumpukan perhatian sekiranya belajar di tempat-tempat formal seperti perpustakaan. Ini kerana kedudukan meja dan kerusi, suhu yang selesa dan keadaan yang sunyi dapat membantu mereka mengingati pembelajaran mereka. Suasana kondusif secara tidak langsung meningkatkan motivasi mereka untuk belajar. Dapatan ini disokong oleh Khalid (2002) dan Mok Soon Sang (2003) yang berpendapat keselesaan belajar dapat memastikan natijah yang baik dalam pelajaran. Selain itu, hasil dapatan juga

menunjukkan pelajar-pelajar cemerlang tidak gemar makan sambil mengulangkaji. Ini disebabkan pengambilan makanan sewaktu belajar boleh mengganggu konsentrasi mereka. Walaubagaimanapun, mereka bersetuju bahawa pengambilan minuman seperti air mineral atau teh dapat merangsang otak mereka dan menjadikan mereka sentiasa segar.

Pelajar-pelajar cemerlang juga mempunyai ciri-ciri persepsi berunsurkan visual dan kinestetik berbanding auditori. Mereka gemar belajar dengan cara membaca atau melihat gambar, carta, graf dan sebagainya. Mereka seronok sekiranya dibenarkan bergerak dan mengalami serta merasai sendiri apa yang dipelajari. Dapatan ini menyamai penyelidikan yang dijalankan oleh Földes dan Silvermann (1988), Syahrulazmin (2004) dan Noorafezah (2005) yang menyatakan gaya pembelajaran yang paling kerap diamalkan oleh pelajar-pelajar cemerlang jurusan teknikal adalah berbentuk pragmatis, iaitu belajar melalui pengalaman dan menguasai objek melalui praktikal dan teori.

RUMUSAN

Daripada kajian yang dijalankan, didapati bahawa pelajar-pelajar cemerlang Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional KUiTTTHO mengamalkan keempat-empat gaya pembelajaran yang dinyatakan dalam model Gaya Pembelajaran Dunn dan Dunn (1978). Namun begitu, gaya pembelajaran Emosi merupakan gaya belajar yang menjadi keutamaan mereka. Dapatan menunjukkan pelajar-pelajar ini memperlihatkan amalan gaya belajar yang positif. Mereka mempunyai motivasi yang kuat, ketabahan yang tinggi, belajar secara berstruktur dan sentiasa bertanggungjawab terhadap pelajaran. Mereka mampu merangsang diri sendiri untuk berjaya di samping menjadikan orang sekeliling mereka seperti ibu bapa, keluarga dan pensyarah sebagai perangsang kejayaan mereka. Mereka sentiasa menanam azam ingin berjaya dan berfikiran positif dalam kehidupan sebagai pelajar.

Selain itu, hasil kajian mendapati bahawa tidak terdapat sebarang perbezaan yang signifikan di antara gaya belajar yang diamalkan pelajar cemerlang mengikut demografi pelajar. Oleh kerana faktor demografi tidak memberi sebarang perbezaan dalam gaya pembelajaran yang diamalkan pelajar-pelajar cemerlang, maka gaya belajar mereka boleh dijadikan panduan bagi pelajar-pelajar lain dalam mencapai kecemerlangan akademik. Pensyarah serta institusi juga dapat menggunakan dapatan kajian ini bagi merangka kaedah-kaedah pengajaran atau menerapkan unsur-unsur gaya pembelajaran Emosi kepada semua pelajar dalam meningkatkan kualiti pembelajaran seterusnya menjana insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

RUJUKAN

- Annie Azlina Shahrin, Herliana Hassan dan Jamaliah Salbi (2001). "Gaya Pembelajaran Pelajar Tahun Dua Kursus Sarjana Muda Kejuruteraan KUiTTTHO". KUiTTTHO: Tesis Sarjana PTV.
- Dunn, R. dan Dunn, K. (1978). "Teaching Students Through Their Individual Learning Styles; A Practical Approach". Massachusetts: Prentice Hall.
- Ee Ah Meng (2003). "Pendidikan Di Malaysia (Semester V)." Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

- Felder, R.M. and Silverman, L.K. (1998). "Learning and Teaching Styles In Engineering Education." *Journal of Engineering Education*. Jilid 78(7). Hlmn 674-681.
- Hassan Mohd Ali (1994). "Strategi Lulus Peperiksaan Dengan Cemerlang". Kuala Lumpur: Sabha-DTP Services Sdn. Bhd.
- Khalid Mohamad Noor (2002). "Belajar Teknik Belajar: Di Sekolah dan Di Universiti". Bentong, Pahang: PTS Publication.
- Masniza Musa (2005). "Perkaitan Gaya Pembelajaran Dalam Prestasi Pelajar Bagi Subjek Ukur Kejuruteraan Di Politeknik". KUiTTHO: Tesis Sarjana PTV.
- Mohd Faizal Abd Rahman (2004). "Gaya Belajar Pelajar Tingkatan Lima Aliran Perdagangan Di Lima Buah Sekolah Menengah Teknik: Suatu Kajian". KUiTTHO: Tesis Sarjana PTV.
- Mohd Kamarul Yusri Khaidzir (2003). "Mengenalpasti Corak Pembelajaran Yang Diamalkan Oleh Pelajar Yang Dikategorikan Sebagai Cemerlang Dan Juga Lemah". Unit Pengurusan Perniagaan Kolej Matrikulasi Pahang. Diperolehi pada 21.09.2005 dalam <http://www.kmph.edu.my>
- Mohd Majid Konting (2000). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan". Kuala Lumpur, DBP.
- Mok Soon Sang (2003). "Psikologi Pendidikan Untuk Kursus Diploma Perguruan Semester 2". Subang Jaya, Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Noorafezah Samad (2005). "Kajian Gaya Pembelajaran Pelajar Diploma Kejuruteraan Di Politeknik". KUiTTHO: Tesis Sarjana PTV.
- Robiah Zakaria (2004). "Hubungkait Antara Budaya Pembelajaran Pelajar Dengan Pencapaian Akademik Dalam Bidang Teknikal: Satu Kajian Di Sekolah Menengah Teknik Johor". KUiTTHO: Tesis Sarjana PTV.
- Yahya Emat (2005). "Pendidikan Teknik dan Vokasional Di Malaysia". Selangor: IBS Buku Sdn Bhd.
- Zuraini Zakaria, et. al (2001). "Amalan Pelajar Cemerlang Dalam Pembelajaran Secara Jarak Jauh". Kertas Kerja Seminar: Konvensyen Teknologi Pendidikan.